



PERUTUSAN
YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.10/2025
PADA 22 OKTOBER 2025 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua ahli mesyuarat dan warga bandar raya Seremban yang beragama Hindu. Semoga sambutan kali ini membawa keceriaan, kedamaian dan sinar kebahagiaan kepada anda sekeluarga.

BELANJAWAN 2026

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Pada 10 Oktober yang lalu, YAB Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan Belanjawan 2026 Malaysia, yang menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi mampan, kecekapan tadbir urus dan kesejahteraan rakyat. Belanjawan kali ini turut memberi penekanan kepada pengukuhan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempertingkatkan kualiti hidup rakyat di peringkat akar umbi, khususnya melalui;
 - I. Peruntukan tambahan bagi penyelenggaraan infrastruktur asas bandar, termasuk pembaikan longkang, jalan, dan sistem saliran bagi menangani isu banjir setempat;

- II. Peningkatan dana untuk pengindahan dan kebersihan bandar, termasuk baik pulih pasar awam, kawasan riadah dan tandas awam; serta
 - III. Dorongan terhadap pendigitalan perkhidmatan PBT, bagi mempercepat urusan, meningkatkan ketelusan dan mengurangkan kerenah birokrasi;
6. Bagi Majlis Bandaraya Seremban, Belanjawan 2026 ini memberi ruang untuk kita menilai semula keutamaan projek dan memperkukuh kecekapan pelaksanaan agar manfaat peruntukan kerajaan dapat dirasakan secara langsung oleh warga Seremban. Saya berharap semua jabatan dan unit dapat menyusun semula perancangan kerja tahun hadapan dengan mengambil kira dasar-dasar yang digariskan dalam Belanjawan 2026 ini.

SEREMBAN DAERAH MENUA

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Bandar Raya Seremban kini melangkah ke arah menjadi kawasan mesra warga emas, selaras dengan perubahan demografi semasa. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Seremban kini tersenarai antara 10 daerah menua di Malaysia, dengan penduduk berusia 65 tahun ke atas telah mencapai tujuh peratus pada tahun 2025.

8. Ini bermakna, sebahagian besar penduduk kita kini terdiri daripada golongan warga emas — dan data dua tahun lalu juga merekodkan sekurang-kurangnya 47,600 orang warga emas di daerah ini. Perubahan ini menuntut perhatian serius daripada kita semua, terutamanya dalam aspek perancangan bandar, penyediaan infrastruktur dan kebajikan sosial.
9. Antara langkah strategik yang perlu diberi tumpuan ialah memastikan semua premis dan kemudahan awam mesra OKU dan warga emas. Reka bentuk bandar mesti mengambil kira akses tanpa halangan termasuk penyediaan ramp bagi menggantikan tangga, serta laluan yang selamat dan mudah digunakan.
10. Kita juga boleh meneliti semula keperluan kemudahan lif, bukan hanya untuk bangunan lima tingkat ke atas, tetapi turut dicadangkan untuk bangunan dua tingkat ke atas, bagi menjamin akses yang lebih inklusif. Dalam masa yang sama, penyediaan pengangkutan awam dengan tempat duduk khas, serta taman rekreasi yang dilengkapi peralatan senaman ringan untuk warga emas, harus dijadikan sebahagian daripada pelan pembangunan bandaraya kita.
11. Seremban mesti bersedia menjadi bandar raya mesra usia yang benar-benar inklusif, di mana setiap warga khususnya golongan emas dihargai sumbangannya, dijamin kebajikannya dan diraikan kehidupannya dalam suasana bandar yang sejahtera dan berdaya huni.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

12. Sehingga 19 Oktober 2025, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

i. 85% bil semasa 2025 (RM142.41j)
Prestasi= RM137.32j (81.96%)

ii. 30% Tunggakan (RM28j)
Prestasi=RM17.63j (18.89%)

iii. 100% Bajet Cukai (RM161j)
Prestasi = RM148.28j (92.10%)

iv. 100% Terimaan Hasil (RM246.5j)
Prestasi= RM228.42j (92.66%)

v. Belanja Mengurus (RM247.61j)
Prestasi = RM172.15j (69.52%)

vi. Belanja Pembangunan (RM13.69j)
Prestasi = RM8.04j (58.74%)

13. Manakala ketimbang bagi tahun 2024 pula, sehingga 20 Oktober 2024;

*****KETIMBANG TAHUN 2024 SEPERTI DI PAPARAN*****

14. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan September 2025 yang lalu Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan lawatan **Kutipan Operasi Dari Pintu Ke Pintu** di beberapa buah taman perumahan ;

- I. Taman Bandar Tasik Senangin
- II. Taman Senawang Perdana
- III. Taman Sri Pulau
- IV. Taman Suriaman 2
- V. Taman Sri Pagi
- VI. Taman Vision Homes

Hasil daripada kutipan operasi ini berjaya membuat kutipan sebanyak **RM36,799.80** daripada **67 bilangan akaun**.

15. Selain daripada itu, Jabatan Kewangan juga telah turun membuka kaunter bergerak bagi program-program yang diadakan seperti ;

- I. Kempen Tawaran Pengurangan Kompaun Letak Kereta 70% sempena Hari Kebangsaan Malaysia di AEON Mall Seremban 2 & AEON Mall Nilai.
- II. Program Sesi Libat Urus Datuk Bandar bersama penjaja Garden Homes Seremban 2
- III. Pameran Karnival Tanglung anjuran Pusat Khidmat DUN Lobak di Dataran Lobak
- IV. Program Karnival MADANI Peringkat DUN Ampangan di Padang Awam Kampung Jiboi, Ampangan.

16. Hasil daripada penyertaan ini, MBS berjaya membuat kutipan sebanyak **RM53,936.45** daripada **1,116 bilangan akaun**. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kewangan atas inisiatif yang berterusan ini dan berterima kasih kepada ahli majlis dan warga MBS yang sama-sama memberikan komitmen dalam menjayakan operasi kutipan ini.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

17. Sehingga 30 September 2025, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **35,511** buah premis
- *ULV* di **70,695** buah premis
- *Larvaciding dan Source reduction* di **343** lokaliti
- Gotong royong di **106** buah taman

18. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Januari 2025 hingga 31 September 2025 mencatatkan;

- I. Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2
55 pengebumian jenazah
- II. Tanah Perkuburan Islam Ainsdale
12 pengebumian jenazah
- III. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan
4 pengebumian

IV. Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka sejak 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 31 Oktober 2025

19. Pada 27 September 2025, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menganjurkan Program Gotong-Royong Hari Cuci Malaysia Majlis Bandaraya Seremban Tahun 2025 di sekitar kawasan Taman Malaysia, Seremban. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kebersihan dan kelestarian alam sekitar di bawah kempen nasional "Hari Cuci Malaysia" yang berlangsung serentak di seluruh negara.
20. Seramai 284 peserta telah mengambil bahagian termasuk kakitangan MBS dan orang awam. Program ini turut melibatkan penyertaan daripada 5 agensi dan jabatan kerajaan, antaranya SWCorp, SWM, Tenaga Nasional Berhad, Pejabat Kesihatan Daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran. Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan sepanjang program ini ialah:
 - I. Aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran awam - melibatkan pembersihan longkang, pemotongan rumput, dan pengumpulan sisa buangan pukal.
 - II. Kaunter kutipan "Trash to Cash" – memberi peluang kepada orang awam untuk menukarkan barangan kitar semula kepada wang tunai, sekaligus memupuk amalan kitar semula dalam komuniti.

III. Kumpulan minyak masak terpakai – galakan kepada orang awam untuk menyerahkan minyak masak terpakai sebagai langkah mengelakkan pencemaran sistem perparitan dan saliran.

21. Hasil daripada usaha bersama ini, sebanyak 1,330 kilogram (kg) sampah telah berjaya dikumpulkan sepanjang program berlangsung, menunjukkan komitmen tinggi masyarakat terhadap kebersihan dan penjagaan alam sekitar.
22. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat mulai daripada Ahli-Ahli Majlis MBS hingga warga kerja MBS atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan program ini. Semoga semangat cintakan kebersihan terus subur dalam diri setiap warga bandar raya.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

23. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 13 Oktober 2025. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2025 HINGGA 13/10/2025	
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	499,768.00
NILAI AMAUN	RM 28,847,795.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	201,059	40.2%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM3,669,981.00	12.7%

**-JADUAL RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN
DIPAPARKAN DI SLAID 1 -**

24. Sebanyak **29,210** Jumlah **Notis Peringatan Telah Dikeluarkan** dan **1,689** jumlah kertas siasatan (ip) telah dibuka sehingga 30 September 2025. Laporan jumlah notis peringatan dan jumlah kertas siasatan (IP) yang dibuka adalah seperti di paparan:

**-JADUAL LAPORAN JUMLAH NOTIS & JUMLAH KERTAS
SIASATAN YANG DIBUKA DIPAPARKAN DI SLAID 2 -**

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. MBS Pada 20 September 2025, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Program Libat Urus Datuk Bandar bersama penjaja Garden Homes, Seremban 2.

26. Program ini bertujuan memberikan penerangan jelas dan telus kepada para penjaja mengenai prosedur serta syarat untuk mendapatkan Tapak Penjaja Sementara (TPS) di kawasan Garden Homes S2F2. Ia juga memberi peluang kepada peniaga tempatan mendapatkan permit perniagaan secara serta-merta dengan membawa dokumen lengkap.
27. Dua lokasi TPS telah disediakan, iaitu di Fasa F (25 petak) dan S2F2 (40 petak), masing-masing mempunyai dua sesi perniagaan — sesi pagi (6.00 pagi–12.00 tengah hari) dan sesi petang (1.00–7.00 malam). Melalui program ini, sebanyak 13 permit perniagaan berjaya diserahkan kepada penjaja yang lengkap dokumen, manakala 22 permohonan lain sedang disemak semula oleh jabatan berkenaan.
28. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan atas usaha proaktif ini yang membantu memperkukuh hubungan Majlis dengan komuniti penjaja serta memastikan aktiviti perniagaan di bandaraya Seremban dijalankan secara teratur, sah dan berlesen.
29. Selain itu, pada 24 September yang lalu saya telah mengadakan lawatan kerja ke Gerai Penghulu Cantik bagi meninjau fasiliti dan mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan pelanggan serta keselesaan peniaga yang turut dihadiri Tuan Setiausaha, En Roslan bin Abd Aziz, Ahli Majlis dan Jabatan-jabatan MBS.

30. Hasil lawatan mendapati terdapat beberapa keperluan penyelenggaraan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan segera. Oleh itu, saya telah mengeluarkan beberapa arahan tindakan kepada jabatan dan unit terlibat untuk tindakan pembaikan dapat disegerakan. Dalam pada yang sama gerai majlis dapat berfungsi dengan lebih selesa serta memberikan satu imej positif terhadap MBS.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

31. Salah satu fokus utama Majlis Bandaraya Seremban ketika ini ialah memastikan setiap aktiviti perniagaan dalam bandaraya kita dijalankan secara sah, teratur dan mematuhi dasar yang telah ditetapkan. Dalam usaha mencapai matlamat ini, MBS melalui Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah melaksanakan Bengkel Kelulusan Khas Perniagaan (KKP) di Palm Mall Hotel, Seremban.
32. Bengkel ini menjadi platform penting untuk menyelaraskan dan memperkukuh tatacara pelaksanaan kelulusan khas perniagaan tanpa kebenaran. Melalui bengkel ini, kita telah berjaya merangka garis panduan yang lebih jelas, seragam dan praktikal bagi meningkatkan tahap pematuhan terhadap undang-undang kecil Majlis.
33. Lebih penting, ia juga memberi pendedahan dan latihan menyeluruh kepada pegawai MBS serta agensi teknikal berkaitan prosedur pelesenan terkini ke arah mewujudkan sistem pelesenan yang lebih inklusif, telus dan responsif kepada keperluan semasa usahawan kecil tempatan.

34. Dengan perkongsian ilmu yang telah disampaikan oleh En. Hidayat Hilmy bin Tawfik Hilmy, Penolong Pengarah Pelesenan dan Penjaja, Majlis Perbandaran Kajang saya berharap peserta-peserta yang menghadiri dapat mengambil contoh dan mengaplikasikan dalam memperkukuh tadbir urus pelesenan Majlis. Semoga hasil bengkel ini menjadi asas kepada pelaksanaan sistem pelesenan yang lebih cekap, adil dan mesra peniaga di bandaraya Seremban

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

PELAPORAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

35. MBS telah menerima aduan daripada orang awam berkenaan gerai-gerai yang telah dibina di atas rizab awam yang mana ianya telah menyebabkan kacauganggu lalulintas dan kebersihan serta memberikan ketidakselesaan kepada warga bandar raya Seremban.
36. Sehubungan dengan itu, MBS telah mengambil tindakan awal bagi aduan-aduan yang dikemukakan termasuk tindakan notis di bawah Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Pembinaan haram ini juga adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (Akta 828) iaitu pencerobohan tanah kerajaan.

37. Selain daripada itu, susulan daripada aduan-aduan yang diterima, Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil inisiatif dengan mencari lokasi yang lebih sesuai untuk dijadikan sebagai lokasi penempatan semula penjaja-penjaja gerai tersebut. Pada 20 November 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menawarkan penjaja-penjaja gerai tersebut ke lokasi penempatan semula penjaja di Tapak Penjaja Setempat di Jalan Rasah Jaya 6/7, Taman Rasah Jaya.
38. Pada 25 September 2025, operasi perobohan telah dilaksanakan di Jalan Rasah Utama 1, Taman Rasah Jaya susulan daripada pemilik-pemilik binaan gerai yang masih ingkar untuk mematuhi notis-notis yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis sejak 28 Mei 2022 serta kegagalan mematuhi arahan berpindah ke lokasi penempatan semula penjaja di tapak penjaja setempat yang telah ditawarkan. Operasi perobohan tersebut telah berjalan dengan lancar dengan bantuan daripada pihak PDRM, TNB, SWCORP dan Pejabat Daerah & Tanah Seremban.

SUMBER : JABATAN KAWALAN BANGUNAN

PELAPORAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

39. Program Townhall Bandar Selamat – Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot 2025 bersama komuniti setempat telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Pekan Nilai pada 13 Oktober 2025, melibatkan penyertaan hampir 100 orang peserta daripada agensi kerajaan, swasta serta komuniti tempatan.

40. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan awam dan memperkukuh kerjasama komuniti melalui penerangan mengenai Program Bandar Selamat, khususnya bagi kawasan tumpuan seperti Pekan Nilai, Taman Ros Merah dan Taman Nilai. Sesi ini turut diserikan dengan taklimat khas daripada PLANMalaysia berkaitan elemen bandar selamat serta perkongsian daripada IPD Nilai mengenai ancaman jenayah siber termasuk “phone scam”.
41. Bagi tahun 2025, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menerima peruntukan sebanyak RM500,000 daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi pelaksanaan projek pemutihan kawasan Blackspot di lokasi berkenaan. Antara komponen utama projek termasuklah;
- I. Pemasangan 7 unit CCTV di lokasi berisiko tinggi sekitar Pekan Nilai.
 - II. Pembinaan laluan pejalan kaki dan rel penghadang di sekitar Sekolah SJKC Kuo Min Nilai.
 - III. Pemasangan 9 papan tanda keselamatan dan peringatan jenayah.
 - IV. Pemasangan satu tiang lampu Highmast bagi meningkatkan pencahayaan waktu malam.
42. Melalui inisiatif ini, MBS terus komited menjadikan Seremban sebagai sebuah bandar raya yang selamat, inklusif dan berdaya huni untuk semua. Saya berharap usaha ini dapat memperkukuh semangat kerjasama antara agensi, komuniti dan pihak berkuasa tempatan

dalam memastikan setiap warga Seremban dapat menikmati kehidupan yang benar-benar *Mampan, Bersih dan Sejahtera*

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

PELAPORAN JABATAN TAMAN & LANDSKAP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

43. Pada 10 September yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Taman dan Landskap dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (SUKNS) telah menganjurkan Program Pengindahan serta Penanaman Pokok bertemakan “Hijaukan Bumi, Segarkan Minda” yang telah diadakan di Kompleks Lapang Sasar Menembak, Mantin.
44. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan memupuk kesedaran kepada peserta serta masyarakat tentang kepentingan menjaga keindahan dan kelestarian alam sekitar. Selain memperindah kawasan berkenaan dengan penanaman pelbagai jenis pokok dan bunga, aktiviti ini juga bertujuan menanam rasa cinta terhadap alam semula jadi serta mendidik masyarakat agar tidak melakukan kerosakan atau pencemaran terhadap persekitaran.
45. Apa yang lebih penting, program ini juga membuka ruang kerjasama strategik antara MBS dan Majlis Sukan Negara melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR). Ia mencerminkan komitmen MBS dalam memperkukuh hubungan antara agensi serta memperluas pelibatan komuniti dalam agenda hijau dan kesejahteraan bandaraya.

Tahniah dan semoga usaha ini akan terus dipergiatkan dengan lebih luas bersama agensi-agensi lain dan lokasi-lokasi yang lain.

SUMBER : JABATAN TAMAN LANDSKAP

HARI BERTEMU PELANGGAN 2025

46. Pada 11 Oktober yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan MBS 2025 bertempat di Mydin Mall Seremban 2. Program ini diadakan sebagai platform bagi membolehkan warga bandar raya berurusan dan berinteraksi secara langsung dengan pihak MBS dalam suasana lebih santai dan mesra rakyat.
47. Sebanyak 17 reruai jabatan dan unit MBS telah menyertai program ini bagi menawarkan pelbagai perkhidmatan terus kepada pelanggan. Pengisian program turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran jentera MBS, pertandingan mewarna, demonstrasi permainan tradisional, zumba sempena Hari Sukan Negara, sesi “Meet & Greet” bersama Datuk Bandar, Ahli Majlis serta tawaran diskaun kompaun sehingga 70% bagi kesalahan letak kereta.
48. Pada majlis tersebut juga, pelancaran dua aplikasi baharu iaitu *GeoSeremban* dan *MBSFly* telah disempurnakan oleh YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan. Kedua-dua aplikasi ini merupakan langkah penting

dalam memperkukuh ke arah perkhidmatan berasaskan digital serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan maklumat MBS.

49. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jabatan dan warga kerja MBS yang telah menjayakan program ini, serta kepada masyarakat bandar raya Seremban yang hadir memberikan sokongan padu. Penganjuran ini secara jelas memperlihatkan bahawa MBS sentiasa komited untuk mendekati rakyat, memahami keperluan mereka serta memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan benar-benar memberi manfaat kepada komuniti. Melalui pendekatan seumpama ini, MBS terus melangkah sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang mesra rakyat, responsif dan berjiwa komuniti.

PENUTUP

KESIAPSIAGAAN MONSUN TIMUR LAUT

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

50. Menjelang peralihan Monsun Timur Laut yang kini sedang berlaku dari bulan September hingga November, seperti dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), saya ingin mengingatkan semua jabatan dan unit di bawah Majlis agar sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan di kawasan pentadbiran bandar raya Seremban, terutamanya yang melibatkan risiko banjir kilat, tanah runtuh serta gangguan perkhidmatan awam.

51. Langkah-langkah pencegahan dan persediaan awal di seluruh kawasan Seremban perlu dipertingkatkan, termasuk kerja-kerja pembersihan longkang dan parit, penyelenggaraan sistem saliran, pemantauan kawasan berisiko, serta penyediaan pelan tindakan kecemasan bagi memastikan kelancaran operasi semasa cuaca tidak menentu.
52. Saya turut menyeru agar kerjasama erat antara jabatan, agensi penyelamat dan komuniti setempat di sekitar Seremban terus diperkukuh. Pendekatan tangkas, bersepadu serta berpandukan ramalan dan amaran cuaca terkini MetMalaysia amat penting bagi membolehkan tindakan awal dapat diambil dengan lebih berkesan.
53. Saya yakin, dengan persiapan rapi, koordinasi mantap dan semangat tanggungjawab bersama, kita mampu menghadapi fasa peralihan monsun ini dengan penuh kesiapsiagaan, serta memastikan Seremban kekal selamat, sejahtera dan berdaya tahan demi kesejahteraan seluruh warga bandar raya ini.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
22 OKTOBER 2025